



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


15 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 500 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 225,860 kes. Sebanyak lapan (8) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tambunan manakala masing-masing satu (1) kes di Beaufort, Kota Kinabalu, Beluran, Kota Marudu dan Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 467 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 215,126 orang. Manakala 1,631 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 638 orang di hospital, 971 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 22 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 78 orang merangkumi 72 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 61 (31.94%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dilaporkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian kembali naik dengan catatan 500 kes hari ini. Ini merupakan tambahan +58 kes berbanding angka semalam. Trend ‘yo-yo’ dijangka berterusan untuk beberapa waktu. Kadar kebolehjangkitan COVID-19 atau R₀ bagi Sabah buat masa ini ialah 0.98.
- b. Kota Kinabalu kembali menduduki tempat teratas sebagai penyumbang terbanyak kes baharu dengan 99 kes, tambahan 57 kes berbanding sebelumnya. Walau bagaimanapun, mengikut analisis data hari ini, 95 daripada kes di Kota Kinabalu merupakan kes daftar-lewat dua hari atau lebih setelah keputusan saringan diketahui. Cuma empat (4) kes berlaku di daerah Kota Kinabalu sepanjang tempoh 24 jam yang lalu.
- c. Antara daerah-daerah lain yang mencatatkan pertambahan kes baharu ialah Tuaran, Penampang, Beaufort, Tenom dan Kuala Penyu. Kinabatangan mencatatkan penurunan jumlah kes yang besar, yakni -30 kes. Tidak ada kes baharu di empat (4) daerah, Telupid, Lahad Datu, Tongod dan Kalabakan.
- d. Sebanyak 224 kes (44.8%) daripada keseluruhan 500 kes yang dilaporkan hari ini ada kes-kes yang didaftar lewat 2 hari atau lebih selepas keputusan saringan diketahui. Selebihnya, iaitu 276 kes (55.2%) adalah kes-kes yang berlaku sepanjang tempoh 24 jam yang lalu.
- e. Lebih 98% daripada kes-kes hari ini adalah kes-kes yang dianggap ringan, yakni dalam kategori 1 dan kategori 2. Pesakit dalam kategori 3 cuma seorang, tiga (3) orang dalam kategori 4 dan tidak ada pesakit dalam kategori 5. Lima (5) kes lagi masih dalam siasatan lanjut JKNS.
- f. Kajian yang dibuat oleh Institut Kesihatan Malaysia menunjukkan dos penggalak (booster dose) meningkatkan perlindungan diri daripada jangkitan COVID-19. Semua penduduk yang berusia 40 tahun atau lebih diingatkan sekali lagi untuk memperolehi dos penggalak 6 bulan selepas dos kedua Pfizer dan 3 bulan selepas dos kedua Sinovac.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (262) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	203	40.60%
3	Kontak	262	52.40%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	35	7.00%
JUMLAH		500	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (14 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 14/11/2021	Catatan Kes 15/11/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	42	99	+57
2	Tuaran	46	70	+24
3	Penampang	15	24	+9
4	Kuala Penyu	6	14	+8
5	Tenom	26	33	+7
6	Papar	21	28	+7
7	Tawau	8	15	+7
8	Sandakan	8	15	+7
9	Kudat	3	10	+7
10	Beaufort	15	21	+6
11	Nabawan	0	2	+2
12	Tambunan	8	9	+1
13	Kunak	2	2	Mendatar
14	Kinabatangan	36	6	-30
15	Lahad Datu	12	0	-12
16	Putatan	15	5	-10
17	Sipitang	15	7	-8
18	Beluran	8	3	-5
19	Telupid	5	0	-5
20	Keningau	18	14	-4
21	Ranau	51	48	-3
22	Tongod	2	0	-2
23	Kota Marudu	20	19	-1
24	Pitas	3	2	-1
25	Semporna	2	1	-1
26	Kalabakan	1	0	-1
27	Kota Belud	54	53	-1
JUMLAH		442	500	+58

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (01 November – 14 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	55	38	0	6	99	939
Tuaran	0	46	19	0	5	70	636
Kota Belud	0	32	18	0	3	53	654
Ranau	0	18	25	0	5	48	621
Tenom	0	21	12	0	0	33	341
Papar	0	15	12	0	1	28	296
Penampang	0	10	12	0	2	24	402
Beaufort	0	15	5	0	1	21	518
Kota Marudu	0	4	12	0	3	19	505
Sandakan	0	3	10	0	2	15	189
Tawau	0	13	2	0	0	15	207
Keningau	0	4	10	0	0	14	263
Kuala Penyu	0	10	4	0	0	14	99
Kudat	0	2	6	0	2	10	253
Tambunan	0	3	6	0	0	9	274
Sipitang	0	3	4	0	0	7	133
Kinabatangan	0	3	2	0	1	6	175
Putatan	0	2	3	0	0	5	200
Beluran	0	0	2	0	1	3	116
Pitas	0	1	0	0	1	2	187
Kunak	0	2	0	0	0	2	22
Nabawan	0	0	1	0	1	2	35
Semporna	0	0	0	0	1	1	24
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	176
Telupid	0	0	0	0	0	0	106
Tongod	0	0	0	0	0	0	32
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	7
JUMLAH	0	262	203	0	35	500	7,410

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 5,985 unit
- Hospital 1,776 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,719 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 27.25%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 15 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	493
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
Jumlah	500

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	482
Bukan Malaysia	18
Jumlah	500

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	109
Belum Menerima Vaksin	43
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	344
Jumlah	500

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1 to 5	45
6 to 11	57
12 to 17	22
18 to 25	72
26 to 59	247
>60	50
Jumlah	500

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 14 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,648 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,742 orang adalah penduduk dewasa dan 906 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 14 November 2021 adalah seramai 2,434,565 orang. Ini meliputi 2,102,535 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.22% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,376,244 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,075,257 orang atau 75.23% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,027 orang atau 76.50% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 300,987 atau 69.35% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **676,585** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,637 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan dua (2) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 11 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis.
 - Empat (4) Orang : Lain-Lain Kesalahan Yang Tidak Tersenarai.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 144 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiga (3) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu tangkapan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO).
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,082 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di Penampang. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 562 premis perniagaan dan 866 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Nova Jaya Computer Sdn. Bhd., Alam Mesra (1 Orang) dan Restoran Bu Zainab Corner, Alam Mesra (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 282 Premis Perniagaan melibatkan 142 anggota APM. Sebanyak 10 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 29 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 106 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	98.8%
2	Kudat	98.7%
3	Papar	98.6%
4	Sipitang	98.6%
5	Keningau	98.6%
6	Kinabatangan	98.6%
7	Kunak	98.5%
8	Lahad Datu	98.5%
9	Beluran	98.5%
10	Tawau	98.5%
11	Kota Marudu	98.5%
12	Penampang	98.5%
13	Semporna	98.5%
14	Tenom	98.5%
15	Sandakan	98.5%
16	Kota Belud	98.2%
17	Kota Kinabalu	98.2%
18	Tuaran	98.1%
19	Ranau	98.1%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II